

“Sukar untuk kita tentukan penyakit mental kerana kalau kita lihat pelaku ini bukan pertama kali buat, lepas buat sekali tidak tertangkap, dia akan ulangi empat lima kali”

Dr Mohd Hatta Shaharom
Pakar Psikiatri Kolej
Universiti Sains
Perubatan Cyberjaya

Rencana

Si gila seks di dalam LRT

BERITA MINGGU 27/1/08 M/S 8

DI KOTA BESAR seluruh dunia termasuk Kuala Lumpur, Sistem Aliran Transit Ringan (LRT) semakin diterima sebagai kaedah pengangkutan awam terpenting dan di sesetengah tempat, mula menggantikan bas sebagai penyambung dua destinasi.

Di negara maju, bas laluan kota dan teksi hanya menjadi penyokong kepada sistem LRT yang ketara lebih cekap dan pantas sebagai pengangkutan utama. Tempoh perjalanan jarak jauh antara kota juga dapat disingkatkan dan kehidupan menjadi lebih cepat serta terancang.

Namun, di sebalik setiap kemudahan ini ada risiko kepada pengguna yang bergantung sepenuhnya kepada LRT dalam kehidupan kerjaya mereka setiap hari.

“Si Gila Seks ini ada di mana-mana, tidak kira RapidKL, Monorel atau Putra LRT, terutama pada waktu puncak ketika orang bersesak-sesak. Waktu itulah mereka mengambil peluang meraba,” kata tetamu *Keluarga Di 9* pada Rabu lalu, Talbiah Tajaluddin, 21.

Talbiah memberitahu hos Dua



DR Mohd Hatta sedang menjelaskan profil Si Gila Seks kepada Benji diperhatikan oleh Kamal.

Generasi, Benji, peristiwa menamatkan yang dialaminya di dalam kereta api Komuter tidak lama dulu menyebabkan dia menjadi takut dan sangat berhati-hati.

“Ketika itu saya dalam perjalanan pulang dari kolej, kira-kira jam 8 malam. Di dalam gerabak itu ada beberapa penumpang termasuk seorang lelaki yang pada mulanya duduk selang beberapa tempat duduk dengan saya.

“Lama kelamaan dia beralih duduk di sebelah saya. Penumpang lain agak jauh dan banyak tempat duduk kosong. Dia duduk berpeluk tubuh dan saya mula berasa takut,” katanya.

Talbiah berkata, si gila seks itu mula berkelakuan tidak senonoh dengan menghulurkan tangan dan meraba bahagian dada Talbiah dari celah lengannya.

“Saya terus bangun dan mene-

gur perbuatannya. Penumpang lelaki lain tidak peduli pun dengan apa yang berlaku. Nasib baik ada dua wanita di tempat duduk agak berjauhan yang bertanya apa yang berlaku dan masuk campur dengan menasihatkan saya membuat laporan polis,” katanya.

Talbiah berkata, dia bersetuju tampil mendedahkan kejadian itu kerana mahu penumpang pengangkutan awam menyedari kehadiran lelaki si gila seks yang mengambil kesempatan terutama terhadap penumpang waktu malam.

Pada program itu, Benji turut mewawancara Naib Presiden Kanan Akademik yang juga Dekan Fakulti Perubatan dan Pakar Psikiatri Kolej Universiti Sains Perubatan Cyberjaya, Prof Dr Mohd Hatta Shaharom dan Penganalisis Jenayah, Kamal Affendi Hashim.

Dr Mohd Hatta berkata, secara umum, daripada 10 pelaku jenayah seks, barangkali hanya seorang boleh dikategorikan sebagai berpenyakit, manakala selebihnya mengambil kesempatan terhadap mangsa yang dianggap lemah.

“Sukar untuk kita menentukan dia berpenyakit mental kerana

Ramai jadi mangsa 'raba' ketika waktu puncak apabila penumpang bersesak dalam gerabak

kalau kita lihat pelaku ini bukan pertama kali buat, lepas buat sekali tidak tertangkap, dia akan ulangi empat lima kali,” katanya.

Kamal pula menegaskan, pelaku jenayah seks mempunyai 'komitmen' yang kuat terhadap kegiatannya.

“Ada empat peringkat bagi perbuatan jenayah seperti ini. Pertama, persediaan mental. Dia menetapkan mindanya untuk meraba orang esok, memang dia akan buat. Kemudian persiapan fizikal. Dia rancang tempat dia hendak buat, di mana dan siapa mangsanya. Ketiga ialah pemilihan mangsa, iaitu kriteria mengikut cita rasanya. Yang terakhir, barulah perbuatan itu sendiri,” katanya.